

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

2023

HARI SELASA : 14 FEBRUARI 2023

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 55)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menaik taraf premis Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di seluruh negara yang kini terdapat banyak APM terutama di daerah terpaksa mencari sendiri premis untuk disewa sebagai pejabat operasi.

JAWAPAN

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 1951 (Akta 221) telah menggariskan 21 fungsi dan peranan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); sebelum, semasa dan selepas bencana (Seksyen 2B). Antara fungsi dan peranan APM meliputi:

- (i) melaksana kerja-kerja pengurusan bencana;
- (ii) melaksana khidmat kemanusiaan;
- (iii) melatih dan melengkapkan orang awam dengan aspek pertahanan awam; dan
- (iv) mengambil alih, membeli dan menyewa tanah, harta, sumber dan barang bagi kegunaan pertahanan awam.

2. APM sentiasa berusaha untuk membuka pejabat operasi di keseluruhan **14 negeri, 159 daerah, 35 daerah kecil dan 8 kawasan** dengan niat dan hasrat untuk memberikan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat.

3. Sehingga kini, APM telah memiliki pejabat operasi di **126 daerah, 10 daerah kecil dan 8 kawasan** di seluruh negara. Ini bermakna, wujud keperluan yang jelas untuk memastikan APM memiliki pejabat pentadbiran dan pengoperasian bagi baki di **33 daerah dan 25 daerah kecil**.

4. Untuk memenuhi maksud dan tujuan itu, antara inisiatif dan usaha berterusan APM dan Kerajaan adalah seperti berikut:

- Pertama, mengenal pasti tanah yang sesuai dan boleh dibangunkan dengan memohon peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia untuk pembinaan **Pejabat Negeri Pertahanan Awam (PNPA)** dan **Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA)**.
- Kedua, memajukan permohonan peruntukan bagi **menaik taraf dan pemberian premis sedia ada milik APM**;
- Ketiga, APM akan **memperkemas kontrak penyewaan** bagi sewaan ruang pejabat;
- Keempat, **mengukuh dokumen ikatan** bagi ruang yang diperoleh secara ihsan daripada pihak – pihak yang terlibat; samada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pertubuhan dan pihak-pihak lain;

5. Suka saya tegaskan, salah satu daripada 5 teras '**Dekad Platinum Pertahanan Awam (2022-2032)**' adalah agenda memperkasa prasarana dan logistik APM itu sendiri. APM dan Kerajaan akan melihat aspek ini secara holistik dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE
BIN HAJI APDAL (SEMPORNA)**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini rizab minyak dan gas bagi telaga cari gali di Sabah dan Sarawak yang dimiliki oleh Petroliam Nasional Berhad.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG & REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod PETRONAS setakat 1 Januari 2022, anggaran rizab petroleum (2P) di Malaysia adalah sebanyak 6.9 bilion tong minyak setara (*Bboe - billion barrels of oil equivalent*), dengan 4.2 Bboe di perairan sekitar Sarawak, dan 1.3 Bboe di perairan sekitar Sabah.
2. Menurut pengiraan “*Reserves Life Index*”, rizab petroleum semasa Malaysia bagi hasil minyak dan gas dijangka dapat bertahan selama 15 tahun. Ini boleh dipertingkatkan lagi kepada lebih 40 tahun dengan adanya pelaburan modal tinggi, penggunaan teknologi baharu dan lanskap pelaburan yang stabil lagi kompetitif.
3. Oleh yang demikian, PETRONAS sentiasa giat menjalankan usaha-usaha bagi menarik lebih ramai pelabur di dalam sektor huluan dan hiliran minyak dan gas ke dalam Malaysia. Usaha ini adalah penting dalam memastikan kelangsungan pelaburan modal tinggi untuk terus mengembangkan industri huluan dan hiliran minyak dan gas negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA (PASIR SALAK)

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- (a) status terkini pembinaan kapal tempur LCS; dan
- (b) bilakah dijangka kapal ini dapat beroperasi dan disiapkan bagi membantu meningkatkan sistem pertahanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 April 2022 telah bersetuju dengan cadangan penyelesaian bagi perolehan kapal *Second Generation Patrol Vessel* berkeupayaan *Littoral Combat Ship* (LCS) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Antara keputusan penting yang diperoleh adalah persetujuan untuk meneruskan perolehan ini tertakluk kepada terma dan syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB).

Melalui keputusan ini, Kerajaan juga bersetuju untuk memberikan tempoh kepada syarikat BNSSB bagi melaksanakan rundingan dengan *Original Equipment Manufacturer* (OEM), vendor dan bank yang terlibat dalam perolehan LCS ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini berpegang kepada prinsip kesiapsiagaan maritim dan menjaga kedaulatan perairan negara sepetimana misi utama TLDM. Bersandarkan kepada prinsip ini, Kementerian telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berkaitan cadangan meneruskan pembinaan kapal LCS termasuk menyusun semula kerangka pengurusan projek LCS. Memorandum Jemaah Menteri ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan potensi pelaburan multinasional yang sedang direncanakan di negeri Johor khususnya di Segamat yang berupaya menjadi katalis ekonomi ke arah membangunkan sektor-sektor pekerjaan berkemahiran tinggi yang mampan di samping memanfaatkan ekonomi rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bekerjasama erat dengan semua agensi pelaburan di peringkat negeri dan koridor ekonomi dalam menarik pelaburan dengan mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha menarik pelaburan asing dan tempatan dalam pelbagai sektor ke semua negeri di Malaysia. Di negeri Johor khususnya, MIDA sentiasa bekerjasama dengan *Invest Johor, Iskandar Region Development Authority (IRDA)* dan *East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)*.
2. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sentiasa mempromosikan negeri Johor sebagai salah sebuah destinasi pelaburan pilihan pelabur. Strategi promosi pembangunan pelaburan yang dilaksanakan oleh MIDA adalah berdasarkan kepada kekuatan dan kesesuaian ekosistem sesebuah negeri dan pelaburan ke dalam setiap daerah adalah mengikut kekuatan ekonomi daerah masing-masing. Namun, harus dinyatakan bahawa pemilihan akhir kawasan pelaburan adalah tertakluk kepada keputusan pelabur itu sendiri.
3. Mengikut Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2030, Teras 1 Pemerksaan Ekonomi mengenai aspek pembangunan berdasarkan wilayah, strategi utama negeri Johor adalah untuk mewujudkan pertumbuhan seimbang dan menyeluruh di seluruh negeri; memfokuskan ekonomi mengikut kekuatan wilayah; dan memperkasa peranan pentadbiran daerah. Fokus daerah Segamat adalah sebagai Hab Pertanian Negeri dan Industri Asas Tani.
4. Sejak daerah Segamat diwartakan sebagai wilayah *East Coast Economic Region (ECER)* pada 6 September 2022; MIDA bersama-sama *Invest Johor*, ECERDC dan agensi-agensi Kerajaan Negeri telah dan terus menggembangkan tenaga dan sumber dalam menarik pelaburan ke daerah Segamat, terutamanya berkaitan industri pertanian

(*agriculture powerhouse*), di mana tumpuan khusus turut diberikan kepada sektor perkilangan berasaskan sumber.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Daerah Segamat mempunyai tanah pertanian yang luas iaitu 168,106.77 hektar dan majoritinya adalah tanaman kelapa sawit. Ini sekaligus menyediakan potensi besar untuk dijadikan sumber kepada perindustrian. Syarikat AJ Oleo Industries Sdn. Bhd. dan syarikat Biovision and Greenergy Sdn. Bhd. adalah contoh projek sedia ada di Segamat yang telah menggunakan sumber pertanian (kelapa sawit) untuk dijadikan sumber kepada produk industri. AJ Oleo menghasilkan minyak (*biofuel*) daripada buah kelapa sawit, manakala Biovision and Greenergy menghasilkan *fibre* daripada tandan kosong sawit. Kedua-dua projek ini menyumbang kepada pembangunan industri hijau menjana ekonomi daerah secara mampan (*sustainable economic growth*).

6. Untuk makluman, bagi tempoh Januari sehingga September 2022, Malaysia telah merekodkan RM193.7 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan (RM113.3 bilion), sektor perkilangan (RM64.9 bilion), dan sektor utama (RM15.5 bilion). Pelaburan Langsung Asing (FDI) kekal sebagai penyumbang utama bagi jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak 67.5 peratus atau RM130.7 bilion, manakala Pelaburan Langsung Domestik (DDI) menyumbang 32.5 peratus atau RM63 bilion.

7. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, Johor merekodkan pelaburan diluluskan yang tertinggi iaitu sebanyak RM63.9 bilion merangkumi sektor perkhidmatan (RM55.1 bilion atau 86.2 peratus), sektor perkilangan (RM8.8 bilion atau 13.8 peratus), dan sektor utama (RM25.6 juta atau 0.1 peratus). Jumlah pelaburan yang diluluskan di Johor terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan jelas membuktikan Johor terus menjadi tarikan pelaburan asing. Antara pelaburan-pelaburan strategik yang telah diluluskan di Johor adalah projek-projek pusat data oleh syarikat Bridge Data Centres Malaysia III Sdn. Bhd. dan ByteDance System Sdn. Bhd. dari Republik Rakyat China

serta syarikat tersenarai awam Malaysia YTL Power International Berhad; manakala Insulet Corporation, sebuah syarikat peranti perubatan yang berpangkalan di Amerika Syarikat membuat pelaburan untuk menghasilkan sistem pengurusan insulin Omnipod®.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Terkini, antara hasil lawatan YAB Perdana Menteri ke Singapura pada Januari 2023, Syarikat INSEACT (syarikat protein alternatif yang berpangkalan di Singapura khusus dalam protein serangga untuk makanan akuakultur) dijadualkan beroperasi di negeri Johor dalam tempoh tiga tahun akan datang.

9. Malaysia berada di landasan yang betul untuk mendapatkan lebih banyak projek berkualiti tinggi, berimpak tinggi dan berintensifkan modal antara lain, yang dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan. Dalam mengekalkan momentum tersebut, MITI melalui MIDA akan mempergiatkan lagi tumpuan ke arah pelaburan dalam industri berteknologi tinggi, inovasi dan penyelidikan yang akan melengkap dan mengukuhkan lagi ekosistem perindustrian Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan setakat mana prestasi platform e-dagang MyMall yang diperkenalkan di bawah Kementerian untuk membantu usahawan dan menjadikan MyMall platform e-dagang utama di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Platform MyMall yang dilancarkan pada 12 April 2022 adalah sebuah platform pembangunan ekosistem keusahawanan digital yang menyediakan ruang khas untuk Perusahaan Mikro, Kecil, dan Sederhana (PMKS) memasarkan produk atau perkhidmatan kepada pengguna secara dalam talian. Melalui platform ini, pengguna akan mendapat akses kepada maklumat berkaitan latihan, pembiayaan dan alat-alat pembangunan perniagaan (*business development tools*) yang mampu membantu mereka dalam menguruskan perniagaan.

Pembangunan fasa pertama MyMall telah selesai dilaksanakan pada Julai 2022 melalui proses pengintegrasian platform-platform e-dagang di bawah agensi KUSKOP. Pembangunan fasa kedua MyMall pula telah bermula pada Ogos 2022 dengan melibatkan proses integrasi secara bersepadu melalui kaedah *single sign-on*. Platform MyMall ini selanjutnya telah mula merekodkan transaksi bermula Oktober 2022. Di samping itu, kini aplikasi MyMall juga boleh dimuat turun dari *Google Play Store* dan *Apple Store*.

Sehingga 8 Februari 2023, terdapat seramai 6,039 usahawan melibatkan 476 produk yang telah berdaftar dengan platform MyMall. Platform ini juga telah mencatatkan seramai 12,000 orang pengunjung. Dalam usaha meluaskan lagi penggunaan MyMall kepada usahawan-usahawan PMKS, aktiviti promosi dan hebahan sedang giat dilaksanakan melalui pelbagai saluran termasuk melalui platform media sosial, saluran portal media, pemasangan papan visual dan kain rentang, serta promosi di ruang iklan radio. Pihak kementerian turut giat melaksanakan proses penyertaan (*onboarding*) usahawan secara aktif di lapangan dan secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA
(PUTATAN)**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif Kementerian Pertahanan dalam menaik taraf sistem perparitan di dalam Kem Lok Kawi yang sering menyebabkan berlakunya banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, kerja-kerja senggaraan bagi menaik taraf sistem perparitan di dalam Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu, Sabah sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Kerja-kerja senggaraan sistem perparitan ini telah bermula sejak tahun 2021 lagi dengan peruntukan sebanyak RM400,000 bagi melaksanakan kerja-kerja awalan pembaikan sistem perparitan di beberapa lokasi yang kritikal bagi mengurangkan kesan akibat berlakunya banjir kilat. Namun demikian, peruntukan tambahan sebanyak RM2.4 juta diperlukan untuk melengkapkan keseluruhan kerja-kerja sistem perparitan di dalam Kem Lok Kawi. Kementerian Pertahanan sedang berusaha menyediakan peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan:

- (a) pendirian Kerajaan berhubung penganjuran konsert-konsert artis luar negara; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan garis panduan tertentu supaya persembahan di negara ini selari dengan norma-norma hidup rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menghalang mana-mana artis luar negara yang ingin membuat persembahan di negara ini kerana Kerajaan berpandangan bahawa kemasukan konsert-konsert dari luar negara membantu dalam perkembangan industri kreatif serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, perlulah dipastikan bahawa kemasukan artis-artis luar negara ini menghormati sensitiviti masyarakat di Malaysia seperti aspek nilai moral dan adat ketimuran dan serta kepentingan awam.

Dalam mempertimbangkan satu-satu permohonan bagi penganjuran acara konsert bagi artis dari luar negara, Agensi Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) dan jawatankuasa dibawahnya iaitu JK-PUSPAL amat menitikberatkan elemen-elemen yang berkait dengan sensitiviti masyarakat di Malaysia, aspek nilai moral dan adat ketimuran, aspek keselamatan negara serta perkara-perkara lain yang berkaitan dalam mempertimbangkan setiap permohonan yang dikemukakan. Semua syarat yang ditetapkan wajib dipatuhi oleh pihak pengajur dan sebarang ketidakpatuhan ataupun pelanggaran syarat semasa acara berlangsung boleh dikenakan tindakan pentadbiran seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan PUSPAL (GPP).

Aspek-aspek norma kehidupan dan nilai moral rakyat Malaysia juga diambil kira dalam penilaian dimana PUSPAL turut merujuk kepada dokumen Dasar Kebudayaan Malaysia (DaKEN) 2021 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Budaya dan Seni (MOTAC) yang turut merupakan salah seorang ahli tetap di dalam JK-PUSPAL. Di bawah DaKEN, tiga perkara yang ditekankan adalah merupakan elemen yang turut digunakan oleh PUSPAL sebagai penduan untuk penilaian iaitu:

- (i) Mengukuhkan perpaduan kaum melalui kebudayaan kebangsaan;

SOALAN NO : 16

- (ii) Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan; dan
- (iii) Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan sosioekonomi.

Setiap permohonan acara konsert yang diterima juga akan dibuat semakan yang meliputi rekod jenayah individu oleh pihak Cawangan Khas, PDRM, rekod imej yang buruk (isu-isu kontroversi) yang boleh menimbulkan keresahan orang awam, melihat semula penganjuran konsert yang terdahulu, mendapatkan bilangan pengikut di media sosial (bagi menilai implikasi), memastikan fahaman artis yang tidak bertentangan dengan nilai dan budaya masyarakat di Malaysia dan amalan gaya hidup artis berkenaan termasuk aspek pemakaian harian artis berkenaan.

Dengan penubuhan PUSPAL oleh kabinet pada tahun 2001, satu garis panduan iaitu dikenali sebagai Garis Panduan PUSPAL (GPP) telah dikuatkuasakan. Sehingga kini GPP telah dipinda dan dicetak sebanyak lima kali. GPP edisi cetakan ke-5 telah dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2023. GPP berkenaan boleh diakses melalui laman web portalpuspal@kkd.gov.my. GPP yang sedang berkuatkuasa ini telah dipinda berdasarkan beberapa siri perbincangan bersama pihak industri dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tuntutan daripada waris Sultan Sulu terhadap Malaysia. Berapa kos guaman yang terlibat dalam isu ini dan apakah ada tuntutan daripada kumpulan lain terhadap Malaysia.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa tindakan untuk mencabar dan menamatkan tuntutan warga Filipina yang mengaku sebagai waris Sultan Sulu. Status terkini tindakan-tindakan yang di ambil adalah seperti berikut:

I. PERANCIS:

2. Berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi Madrid di Sepanyol yang membatalkan pelantikan Dr. Stampa sebagai penimbang tara bertarikh 29 Jun 2021, warga Filipina yang mendakwa sebagai waris kepada Sultan Sulu telah mendapatkan Perintah dari Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2021 untuk mengiktirafkan Preliminary Award bertarikh 25 Mei 2020. Dengan Perintah Mahkamah Perancis tersebut Dr. Stampa telah memindahkan prosiding timbang tara yang sepatutnya telah diberhentikan ke Paris, Perancis.

(i) Permohonan Rayuan oleh Kerajaan Malaysia terhadap Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2022

- Pendengaran telah berlangsung pada 6 Februari 2023 di Mahkamah Rayuan Perancis. Keputusan dijangka akan dikeluarkan pada Jun 2023.

(ii) Permohonan untuk menggantung Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2021

- Pada 16 Disember 2021, Mahkamah Perancis telah membenarkan penggantungan Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2021 sehingga keputusan mengenai

Permohonan rayuan terhadap Perintah bertarikh 29 September 2021 oleh Kerajaan Malaysia dikeluarkan. Warga Filipina yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu telah merayu keputusan penggantungan ini dan telah diterima oleh Mahkamah Perancis. Perintah Penggantungan bertarikh 16 Disember 2021 tersebut telah ditarik balik oleh Mahkamah Perancis pada 10 Jun 2022.

- Kerajaan Malaysia sedang merayu keputusan 10 Jun 2022 dan telah memfailkan hujahan di Mahkamah Perancis. Tarikh Pendengaran belum ditentukan.

(iii) Permohonan oleh Kerajaan Malaysia untuk membatalkan Final Award yang telah dikeluarkan oleh Dr. Stampa pada 28 Februari 2022.

- Kerajaan Malaysia telah memfailkan hujahan-hujahan yang diperlukan dan sedang menunggu tarikh pendengaran.

(iv) Permohonan untuk menggantung Final Award yang telah dikeluarkan oleh Dr. Stampa pada 28 Februari 2022

- Mahkamah Perancis telah membenarkan penggantungan Final Award sehingga keputusan mengenai Permohonan oleh Kerajaan Malaysia untuk membatalkan Final Award dikeluarkan. Warga Filipina yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu sedang merayu keputusan ini.

II. LUXEMBOURG

3. Selain daripada tindakan di Sepanyol dan Perancis, pihak warga Filipina juga telah memulakan prosiding penguatkuasaan *Final Award* di Luxembourg melalui suatu *Exequatur Order* bertarikh 18 Mei 2022 bagi mengiktiraf *Final Award* yang dikeluarkan oleh Dr. Stampa. Sebagai tindak balas, Kerajaan telah mengambil tindakan perundangan di Mahkamah Luxembourg seperti berikut:

(i) **Permohonan Kerajaan untuk mencabar *Exequatur Order* bertarikh 18 Mei 2022:**

- Pada 6 September 2022, Kerajaan telah memfailkan rayuan untuk mencabar *Exequatur Order* tersebut dan kini sedang menunggu Mahkamah Luxembourg untuk menetapkan tarikh akhir pengemukaan hujahan oleh Penuntut.

III. BELANDA

(i) **Permohonan pihak warga Filipina dalam menguatkuasakan *Final Award* di Belanda**

- Pada 6 Januari 2023, Kerajaan Malaysia melalui Wisma Putra telah menerima serahan bagi permohonan pihak warga Filipina dalam menguatkuasakan *Final Award* di Belanda. Mahkamah Belanda telah menetapkan tarikh pendengaran bagi permohonan pihak warga Filipina tersebut pada 17 April 2023.
- Dalam perkara ini, Jabatan Peguam Negara bersama peguam asing yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sedang dalam proses penyediaan pernyataan pembelaan dalam mencabar permohonan pihak warga Filipina tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos perkhidmatan peguam antarabangsa, prosiding Mahkamah, terjemahan, penyelidikan sejarah dan perundangan bermula 20 November 2019 hingga 20 Januari 2023 dalam anggaran RM31 juta, secara khususnya fi guaman dan bayaran sahaja sebanyak RM36 ribu (tahun 2019), RM167 ribu (tahun 2020), RM8.2 juta (tahun 2021), RM13.5 juta (tahun 2022) dan RM5.4 juta (tahun 2023) bagi pengendalian kes Mahkamah di 4 buah negara iaitu Sepanyol, Perancis, Luxembourg dan Belanda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL menyatakan:

- (a) sehingga Februari 2023 berapa akaun media sosial TikTok, Twitter dan lain-lain platform yang telah disiasat, berapa disekat, sebab-sebabnya, umur pemilik-pemilik akaun tersebut serta bilangan tindakan mahkamah yang telah diambil; dan
- (b) mengapa hanya pertemuan dengan TikTok sahaja dibuat tetapi tidak dengan Twitter dan apa jaminan Kerajaan ini berpegang dengan prinsip kebebasan bersuara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2020 hingga Januari 2023, sebanyak 444 kes telah disiasat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Daripada 444 kes tersebut, 5 platform media sosial dengan siasatan tertinggi adalah Facebook iaitu 158 kes, WhatsApp dengan 121 kes, Twitter dengan 36 kes, Instagram dengan 27 kes dan TikTok dengan 23 kes.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 kes telah didakwa di mahkamah di mana 31 kes telah selesai dan dijatuhkan hukuman denda dengan nilai keseluruhan yang berjumlah RM 284,000.00 dan sebanyak 7 kes lagi sedang dalam proses perbicaraan. Sebanyak 2 kes telah ditawarkan kompaun dengan nilai keseluruhan yang berjumlah RM 10,000.00 manakala 43 kes telah dikeluarkan notis amaran.

Selain dari tindakan siasatan, tindakan penurunan kandungan terhadap akaun-akaun media sosial turut dijalankan oleh penyedia platform disebabkan oleh pelanggaran undang-undang sedia ada, termasuklah atas penyalahgunaan platform-platform berkenaan dengan tujuan untuk menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 233 Akta 588. Setakat Januari 2023, sebanyak 197 kandungan telah diturunkan oleh penyedia platform media sosial, selaras pelanggaran terma perkhidmatan dan piawaian komuniti yang ditetapkan oleh penyedia platform media sosial yang berpangkalan di luar negara.

Mengambil kira kepentingan pengukuhan kerjasama bersama penyedia platform media sosial, pihak Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk berjumpa dengan pihak *TikTok* dan *Meta* pada 12 Januari 2023 bagi mengukuhkan kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang dan kawal selia kandungan. Perjumpaan yang sama dengan *Google* juga telah diadakan pada 26 Januari 2023 manakala *Twitter* akan diadakan pada 15 Februari 2023.

Kerajaan komited untuk memastikan semua rakyat dapat menikmati kebebasan asasi mereka tanpa meninggalkan kesan terhadap hak-hak orang lain. Hal ini kerana kebebasan memberikan pendapat dan bersuara telah termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha agensi Kerajaan di bawah MITI untuk membantu PKMS tempatan seperti kilang perabot di Muar menerokai pasaran eksport baru seperti negara Arab dan India. Bagaimanakah MITI membantu PKS untuk menikmati manfaat-manfaat yang diperolehi daripada perjanjian CPTPP dan RCEP.

JAWAPAN

1. MITI menerusi agensinya Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan untuk memperkembangkan eksport dalam pasaran sedia ada dan menerokai pasaran eksport baharu.
2. Antara program promosi eksport bagi industri perabot Malaysia yang diselaraskan MATRADE adalah Pameran Perabot Antarabangsa High Point Market North Carolina, Amerika Syarikat - di mana sebanyak 10 syarikat Malaysia telah mempamerkan produk masing-masing dan 4 daripadanya adalah syarikat tempatan daripada Johor. Untuk edisi 2023 yang bakal berlangsung dari 22 hingga 26 April ini, sebanyak 8 daripada 9 syarikat Malaysia yang mengambil bahagian adalah syarikat tempatan daripada Johor.
3. Selain itu, bersempena Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia - *Malaysia International Furniture Fair* (MIFF) dan Pameran Perabot Eksport Malaysia – *Export Furniture Exhibition* (EFE) yang diadakan pada tahun lepas, MATRADE telah mengaturkan padanan perniagaan di antara beberapa pembeli luar negara dan 15 syarikat perabot tempatan. Hasil padanan perniagaan tersebut telah berjaya menjana jualan eksport berjumlah RM45.66 juta.
4. MATRADE juga turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi membantu PKS untuk meneroka pasaran ekport baharu dalam semua sektor dan tidak terhad kepada negara Arab dan India:
 - i) **Program Eksport Khusus** kebiasaannya dianjurkan bersempena acara-acara perdagangan utama seperti Misi Pecutan Eksport (*Export Acceleration Mission*) dan program Penyumberan Antarabangsa (*International Sourcing Programme*);
 - ii) **Program Sokongan Eksport**, seperti program **eBizLink** yang berkonsepkan *Online to Offline* (O2O) iaitu pemasaran digital termasuk pempengaruh digital (*digital influencer*). Pendekatan pemasaran di platform e-dagang B2B dan B2C

serta *in-store promotion* yang diintegrasikan dengan menggunakan medium sosial media ini memperhebatkan kempen jualan atas talian dan turut disokong oleh 46 pejabat MATRADE di luar negara;

- iii) **Program Empower Trade Association (ETA)** telah diperkenalkan agar lebih banyak penggiat/pengeksport di peringkat akar umbi dapat membina rangkaian pasaran eksport yang diperlukan. Usaha ini telah memberikan impak positif dalam hubungan kerjasama antara sektor awam dan swasta serta telah berjaya membantu ahli-ahli persatuan perdagangan menembusi pasaran eksport baharu seperti Mongolia, Afrika Selatan, Kemboja, Poland dan Timor Leste; dan
- iv) **Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia** (*Bumiputera, Women, Youth Entrepreneur Development Programme*) khusus untuk membangunkan pengeksport PKS daripada tiga kumpulan sasar iaitu pengeksport Bumiputera, wanita dan belia.

5. Di bawah **Pelan Tindakan Perdagangan Nasional – National Trade Blueprint (NTBp)**, terdapat beberapa inisiatif khusus bagi PKS tempatan yang membolehkan mereka menceburi pasaran eksport dengan lebih berstruktur dan tersusun. Ini termasuk penjenamaan PKS di peringkat antarabangsa, dan menggalakkan usahasama di antara PKS sebagai *vendor* kepada syarikat-syarikat *anchor* atau syarikat-syarikat besar dalam dan luar negara. Pelaksanaan NTBp dapat meningkatkan daya saing perdagangan Malaysia melalui ekosistem yang lebih cekap.

6. Malaysia juga turut memeterai perjanjian perdagangan bebas bagi memperluaskan akses pasaran eksport. Terkini, Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik – *Comprehensive and Progressive Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) yang dilaksanakan oleh Malaysia masing-masing mulai 18 Mac dan 29 November 2022, yang telah membuka akses pasaran bagi memperluaskan eksport produk dan perkhidmatan Malaysia ke negara-negara anggota RCEP dan CPTPP, di

mana pada masa yang sama boleh dijadikan hab untuk memasarkan produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran serantau. PKS wajar memanfaatkan pelaksanaan kedua-dua perjanjian ini bukan sahaja untuk meluaskan destinasi eksport tetapi juga bagi penyumberan bahan mentah/ input pembuatan pada kos yang lebih kompetitif bagi meningkatkan daya saing produk mereka dalam rantaian bekalan global.

7. Bagi eksport ke pasaran India, pengeksport boleh memanfaatkan tawaran-tawaran tarif di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-India - *Malaysia-India Comprehensive Economic Agreement* (MICECA) dan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India – *ASEAN-India Free Trade Agreement* (AI-FTA) yang masing-masing mula dilaksanakan pada 1 Julai 2011 dan 1 Julai 2015.

8. Dalam usaha Kerajaan membantu memastikan inisiatif-inisiatif eksport berkesan dengan penggunaan sumber yang optimum, Jawatankuasa Eksport (JK-X) telah diwujudkan pada tahun 2015 bertujuan untuk menyelaras program-program eksport oleh pelbagai Kementerian dan Agensi secara bersepadu, tersusun dan cekap dengan dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

9. Untuk tahun 2023, sebanyak 250 program JK-X telah disusun yang dijangka melibatkan sebanyak 2,500 syarikat yang hampir keseluruhannya adalah PKS. Beberapa program promosi eksport juga telah disusun bagi membantu PKS tempatan meneroka pasaran eksport baharu seperti Samarinda, Balikpapan, Kalimantan Timur (Indonesia), Mesir, Nigeria, Bengaluru, Delhi, Tanzania dan Uganda.

10. Kerajaan sememangnya menyedari akan keperluan dalam memastikan PKS turut sama mendapat limpahan manfaat daripada perjanjian perdagangan bebas yang komprehensif dan berstandard tinggi ini. Dalam hal ini, perjanjian CPTPP telah dirundingkan agar platform disediakan khusus untuk program bina upaya (*capacity building*) dan bantuan teknikal (*technical assistance*) bagi industri tempatan untuk membantu dalam menaiktaraf tahap pembangunan PKS tempatan, terutamanya dalam aspek kesediaan dan daya saing eksport.

11. Dalam hal ini, untuk manfaat PKS tempatan yang berstatus *export ready*, MITI dan MATRADE sedang menyelaras program khusus bina

upaya dan bantuan teknikal/pakar daripada negara-negara CPTPP. Sebagai contoh, program bersama Kanada sedang dirangka untuk membimbing PKS tempatan berhubung dengan piawaian dan standard yang perlu dipatuhi untuk menembusi pasaran Kanada.

12. Selain itu, MITI melalui MATRADE, sedang menimbang untuk menambahbaik program-program sedia ada yang melibatkan PKS seperti padanan perniagaan (*business matching*) atau *hand holding session*, mahupun melalui program-program baharu yang memberi tumpuan khusus bukan sahaja kepada pematuhan Perjanjian CPTPP, malah bagi meraih faedah optimum daripada pelaksanaan CPTPP.

13. Sehubungan itu, pihak MITI mengalu-alukan cadangan untuk mengadakan sesi libat urus secara bersasar dengan pengeksport dari industri perabot mengenai peluang, faedah dan pulangan ekonomi hasil, serta bagaimana untuk menggunakan kedua perjanjian perdagangan ini.

14. Untuk makluman, sejak Malaysia menguatkuasakan Perjanjian CPTPP pada 29 November 2022, jumlah permohonan bagi Sijil Tempasal (*Certificate of Origin* atau CO) bagi produk berkaitan perabot di bawah Skim CPTPP adalah di tahap rendah berbanding dengan di bawah skim-skim perjanjian perdagangan bebas yang lain dan masih boleh dipertingkat.

Sebagai contoh, sehingga 31 Januari 2023 bagi eksport perabot Malaysia dibawah skim **MICECA**, sebanyak 2,123 Sijil Tempasal berkaitan produk perabot telah dikeluarkan dengan nilai eksport berjumlah **RM197.06 juta**. Manakala bagi skim **A-IFTA** pula, sebanyak 10,761 Sijil Tempasal telah dikeluarkan untuk barang eksport perabot bernilai **RM709.88 juta**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPT AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)
SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam manifesto PH dalam PRU15, "Kita Boleh" ada menyatakan akan menyediakan dana pembangunan kawasan pilihan raya sama rata kepada semua wakil rakyat Parlimen tanpa mengira parti. Peruntukan dana juga akan disalurkan melalui Parlimen dan bukannya Pejabat Perdana Menteri. Soalannya bilakah ia akan dilaksanakan dan berapa peruntukan yang disediakan.

JAWAPAN

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 14 FEBRUARI 202 (SELASA)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membuka semula kes Pandora Papers yang ditolak dalam sidang Parlimen yang lalu bagi mengesan kehilangan banyak wang negara yang berada di luar negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu Kumpulan Kerja Penganalisa (KKP) khusus di bawah koordinasi Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (*National Anti-Financial Crime Centre – NFCC*) telah ditubuhkan untuk menganalisa isu illicit financial flows ini secara berterusan. Pendekatan Kumpulan Kerja Penganalisa akan diteruskan dan diperkuuhkan.
2. Bagi subjek yang masih dalam penilaian atau siasatan, tindakan penguatkuasaan oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan akan dibuat mengikut prosedur sedia ada, berdasarkan hasil penilaian atau siasatan. Agensi penguatkuasa akan diberi ruang yang mencukupi untuk membuat penilaian dan siasatan yang teliti sebelum tindakan penguatkuasaan dibuat.
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil tindakan menjalankan siasatan terhadap sesetengah individu yang dinamakan dalam Pandora Papers yang mana ianya ada kaitan dengan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Siasatan masih dijalankan yang mana ianya memerlukan maklumat-maklumat daripada pihak luar negara. Selain daripada SPMR terdapat beberapa agensi lain yang turut terlibat dalam penyiasatan ini iaitu Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2023)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 14 FEBRUARI (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional dua Kementerian iaitu KeTSA dan KASA digabungkan menjadi NRECC sedangkan kebanyakan negara maju mengasingkan portfolio Kementerian ini seperti yang diamalkan sebelum ini.

JAWAPAN

DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, penggabungan 2 portfolio kementerian iaitu tenaga dan sumber asli serta alam sekitar dan air sememangnya dilihat sesuatu yang positif kerana sinergi di antara elemen tersebut seharusnya digabungkan di bawah satu payung. Dalam hal ini, penjanaan tenaga harus mengambil kira aspek perubahan iklim. Manakala sumber asli, hutan, perhilitan dan alam sekitar sewajarnya berada di bawah satu Kementerian.
2. Dengan menggabungkan kesemua sektor yang sebelum ini di bawah pengurusan 2 kementerian antara lain akan mengelakkan kehilangan masa yang tidak sepatutnya dihabiskan dalam urusan penyelarasaran antara kementerian dan seterusnya bagi memastikan tadbir urus yang lebih holistik.
3. Ini juga akan memastikan dasar-dasar berkaitan sektor tenaga, alam sekitar, air dan sumber asli dapat dijajarkan dalam satu hala tuju yang lebih jelas dan strategik. Malah ia akan menjimatkan sumber tenaga, modal insan, dan mengelakkan pertindihan fungsi yang wujud di antara dua kementerian ini sebelum penggabungan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN M. KULASEGARAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada Tan Sri Mohamed Apandi Ali apabila Kerajaan menyelesaikan kes saman bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan di luar mahkamah; dan
- b) senaraikan jumlah yang dibayar kepada Peguam Negara (Attorney General) semasa.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes guaman sivil mantan Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Mohamad Apandi bin Ali, terhadap Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kerajaan Malaysia telah diselesaikan di luar Mahkamah atas persetujuan pihak Kerajaan tanpa sebarang pengakuan liabiliti.

1. Semasa rundingan penyelesaian dijalankan bagi penyelesaian tersebut, pihak-pihak kepada guaman ini, khususnya pihak Plaintiff, yang diwakili oleh Tetuan Shukor Baljit and Partners, dan Jabatan Peguam Negara telah bersetuju agar terma-terma penyelesaian dirahsiakan dan tidak didedahkan kepada pihak umum.

2. Selaras dengan persetujuan tersebut, semua komunikasi berhubung dengan rundingan penyelesaian serta terma-terma penyelesaian yang dipersetujui telah dikelaskan sebagai rahsia menurut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN (LABUAN)

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN (LABUAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

(a) status pembinaan Jambatan Labuan ke Menumbok yang terletak di tanah besar Sabah yang telah diumumkan oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan sewaktu pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) tahun 2018 - 2020; dan

(b) adakah projek mega ini masih di bawah Inisiatif Swasta Awam (PPI) yang sudah melalui pelbagai peringkat termasuk Request for Proposal (RFP) dan adakah ia masih relevan dengan anggaran kos RM4 bilion pada masa ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada September 2020, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mendapat kelulusan prinsip daripada Jemaah Menteri untuk melaksanakan cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah secara Kerjasama Awam-Swasta melalui proses *Request for Proposal*.
2. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan proses *Request for Proposal* dari 26 April 2021 sehingga 1 November 2021. Sebanyak tiga (3) syarikat telah mengemukakan bidaan. Selanjutnya, proses penilaian teknikal dan komersial telah diadakan pada bulan Januari-Februari 2022. Keputusan penilaian iaitu ketiga-tiga pembida tidak melepas kriteria pemarkahan penilaian teknikal dan penilaian komersial *Request for Proposal* telah diperakukan di peringkat Jawatankuasa Pemandu pada 3 Mac 2022.
3. Keputusan *Request for Proposal* Cadangan Pembinaan Jabatan Labuan-Swasta secara Kerjasama Awam-Swasta telah dimaklumkan oleh pihak KWP dan KKR kepada Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri pada bulan Julai 2022.
4. Jemaah Menteri bersetuju supaya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menyelaras kajian mengenai pembangunan di Labuan dan impak perancangan ekonomi Wilayah pada masa hadapan. Susulan daripada keputusan ini, Pihak EPU telahpun mengadakan sesi mesyuarat bersama semua agensi-agensi berkaitan dan Mesyuarat bersetuju tindakan selanjutnya berkaitan pembinaan jambatan Labuan Sabah akan diselaraskan merujuk kepada kajian Rancangan Struktur Labuan 2040 yang sedang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) yang dijangka siap pada bulan Mei 2023.

SOALAN NO : 24

5. Jemaah Menteri juga memutuskan supaya Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Wilayah Persekutuan menyelaras Kajian Pelaksanaan Jambutan Labuan-Sabah. Kementerian Kerja Raya telah bersetuju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan termasuklah anggaran kos pembinaan jambatan tersebut, tertakluk kepada kesediaan peruntukan.
6. Sehubungan itu, Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan akan mendapatkan keputusan Kerajaan, termasuklah dari segi anggaran kos dan sama ada projek ini merupakan Inisiatif Swasta Awam, selepas kajian Rancangan Struktur Labuan 2040 dan Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Jambatan Labuan - Sabah selesai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [TAIPING]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH [TAIPING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam membanteras gejala rasuah di negara kita. Apakah tindakan yang diambil untuk mempertingkatkan prestasi negara dalam Transparency International Indeks 2022 yang bakal/ telah diumumkan pada 31 Januari 2023.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam usaha memerangi rasuah, memperbaiki integriti dan melaksanakan urus tadbir yang baik. Agensi penguatkuasaan rasuah di negara iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerajui inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah dengan sokongan pelbagai agensi lain.
2. Usaha-usaha pencegahan dan pendidikan anti - rasuah mensasarkan sektor awam, pendidikan dan korporat dalam menyebarluas mesej antirasuah secara berterusan. Usaha pencegahan rasuah di sektor korporat juga sedang giat dijalankan dengan

menguatkuaskan kesalahan oleh organisasi komersial di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Akta 694].

3. Usaha-usaha pembanterasan rasuah menyaksikan tindakan proaktif dan agresif SPRM. SPRM memberi fokus kepada isu-isu ketirisan dana, isu kepentingan awam dan keselamatan negara Sepanjang tahun 2022, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan penguatkuasaan yang berterusan dalam memerangi jenayah rasuah terhadap kes-kes besar yang berkepentingan awam. Manakala inisiatif sedia ada seperti Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU), *Corruption Risk Management* (CRM), *Organization Anti-Corruption Plan* (OACP) dan *Anti Bribery Management System* (ABMS) tetap aktif dan diteruskan oleh SPRM.
4. Selain itu, Kerajaan juga akan memfokuskan kepada beberapa tindakan memperkasakan agensi penguatkuasaan dan menambahbaik beberapa peruntukan undang-undang berkaitan pencegahan rasuah.
5. *Corruption Perception Index* (CPI) merupakan barometer antarabangsa yang diterbitkan oleh *Transparency International* (TI) yang mengukur tahap persepsi rasuah sesebuah negara. Pengukuran CPI dilaksanakan berdasarkan persepsi melalui kajian oleh institusi-institusi antarabangsa. Indeks ini memberi gambaran kepada Kerajaan supaya usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah terus dilaksanakan merentasi pelbagai sektor awam, swasta termasuk politik bagi memberi kesan kepada daya saing serta ekonomi negara.
6. Kesediaan Malaysia untuk dinilai dalam CPI 2022 menunjukkan ketelusan dan komitmen Malaysia dalam penambahbaikan tadbir urus. Dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) Kerajaan turut menerima CPI sebagai asas pengukuran tatakelola baik sesebuah negara dan telah menetapkan sasaran penambahbaikan kedudukan Malaysia dalam CPI 2025. Jika sasaran itu dijadikan petunjuk prestasi utama (KPI) di semua peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi secara *shared responsibility* Malaysia boleh mencapai kedudukan CPI yang jauh lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan peratusan kadar kemiskinan di Parlimen Kudat yakni Daerah Pitas dan Daerah Kudat yang tersenarai sebagai antara 10 daerah termiskin di Malaysia. Apakah langkah Kerajaan bagi membawa golongan tersebut untuk keluar dari garis kemiskinan atau rancangan spesifik pembangunan ekonomi untuk daerah-daerah termiskin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agenda menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif dilaksanakan tanpa mengira status ekonomi dan lokasi. Kadar atau insiden kemiskinan yang tinggi di Parlimen Kudat pada 47.0% berdasarkan dapatan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2019.
2. Menyedari kadar kemiskinan yang tinggi di Parlimen Kudat, usaha menangani kemiskinan haruslah ditangani secara holistik menggunakan pendekatan keseluruhan negara antara semua pihak. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM 1 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) khusus di Parlimen Kudat.
3. Projek pembangunan ini merangkumi projek perumahan, menaik taraf jalan-jalan perhubungan, kemudahan sekolah dan akses pendidikan serta penambahbaikan infrastruktur air luar bandar. Peruntukan pembangunan pada tahun 2022 yang telah diluluskan bagi projek-projek ini adalah sebanyak RM 62.4 juta.
4. Di samping itu, Kementerian Ekonomi dan Unit Penyelaras dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan memudah cara pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT). Pelaksanaan BMT di Parlimen Kudat di bawah Fasa 1 melibatkan seramai 35 orang ketua isi rumah daripada daerah Pitas yang telah diberikan kelulusan peruntukan kos projek berjumlah RM649,000.
5. Ini bagi membantu mereka menjana pendapatan tambahan untuk meneruskan kelangsungan hidup. Antara projek BMT yang telah diperaku ialah perniagaan ayam, penanaman sayur secara fertigasi serta pembaikan motosikal dan kereta secara bergerak.

6. Kerajaan juga bercadang untuk mengenal pasti lokaliti lain di Parlimen Kudat untuk pelaksanaan BMT bagi fasa berikutnya. Program BMT ini akan dilancarkan di peringkat kebangsaan dijangka pada akhir Februari ini.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan melalui Jabatan Perangkaan Malaysia sedang memuktamadkan dapatan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022 yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022. Kerajaan sedang mengemas kini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) terkini bagi tahun 2022 berserta insiden kemiskinan dan diterbitkan bersama laporan Survei ini yang dijangka dalam pertengahan tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN :

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk membentangkan pindaan bagi Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan jika ada, apakah penambahbaikan yang akan dibuat pada Akta tersebut bagi meningkatkan keberkesanannya dalam melindungi pemberi maklumat (*whistleblower*).

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini sedang dalam proses untuk melaksanakan penambahbaikan dan pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] bagi memperkasakan akta tersebut dan merealisasikan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Bagi tujuan tersebut, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak pemegang taruh termasuk sesi libat urus dengan pihak *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* dan *Government Accountability Project (GAP)*. Di samping itu juga, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi menilai, mengkaji serta menetapkan parameter berdasarkan cadangan pindaan dan penambahbaikan yang telah diterima daripada pelbagai pihak berkepentingan. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak agensi penguatkuasa, beberapa buah kementerian dan jabatan, syarikat-syarikat swasta dan GLC serta pihak NGO.
2. Kerajaan kini dalam proses akhir untuk mendapatkan keputusan dasar berhubung cadangan-cadangan pindaan yang telah diperolehi sebelum Rang Undang-Undang Pindaan Akta 711 dapat digubal oleh Jabatan Peguam Negara. Kerajaan telah mensasarkan untuk memuktamadkan dan membentangkan pindaan dan penambahbaikan Akta 711 selewat-lewatnya dalam bulan Disember 2023. Cadangan penambahbaikan dan pindaan yang telah dikenalpasti buat masa ini adalah:
 - i. Menambahbaik definisi "kelakuan tidak wajar" dan Agensi Penguatkuasaan" di bawah peruntukan seksyen 2;

- ii. Mewujudkan peruntukan berhubung “mekanisme aduan dalaman”;
 - iii. Mencadangkan penubuhan satu agensi berpusat yang bertanggungjawab menyeleraskan akta dan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat;
 - iv. Memperkuuhkan peruntukan seksyen 6 mengenai pendedahan “kelakuan Tidak Wajar”;
 - v. Memperjelaskan peruntukan seksyen 8 dan seksyen 14 berkaitan “Tindakan yang Memudaratkan”;
 - vi. Memperincikan peruntukan seksyen 11 berhubung pembatalan perlindungan; dan
 - vii. Mempertimbangkan penentuan skala bagi ganjaran di bawah seksyen 26.
3. Melalui cadangan penambahbaikan ini adalah diharapkan agar perlindungan kepada pemberi maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ini akan lebih komprehensif dan menyeluruh sekaligus dapat membantu di dalam menjayakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan salah laku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]
minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan usaha dan
tindakan Kementerian untuk menambah baik capaian internet
terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memahami keperluan kesalinghubungan internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) untuk membuat penaiktarafan pelan jalur lebar di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 dan Fasa 2.

Pelan JENDELA Fasa 1 (2020-2022) telah menetapkan sasaran untuk memberikan akses gentian optik kepada 7.5 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 35Mbps dan meluaskan liputan jalur lebar 4G kepada 96.9% kawasan berpenduduk di seluruh negara. Manakala, Pelan JENDELA Fasa 2 (2023-2025) pula telah menetapkan sasaran untuk memberikan akses gentian optik kepada 9 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 100Mbps melalui pelaksanaan 5G, dan meluaskan liputan jalur lebar kepada 100% kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Selain itu, capaian internet di kawasan pedalaman telah ditambah baik melalui teknologi satelit di 839 lokasi di seluruh negara, yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah JENDELA Fasa 2, namun telah berjaya disiapkan sepenuhnya di bawah JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit bagi menangani isu akses internet berkualiti, KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pendalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

SOALAN NO : 28

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya dengan radius 2.5km -3km. Secara keseluruhannya, Fasa 1 bagi projek PoP ini akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak.

Sehingga 10 Febuari 2023 sebanyak 292 kawasan PoP telah berjaya disiapkan dengan menyediakan sebanyak 32,198 permis sedia untuk dilanggan dan menikmati perkhidmatan internet berkelajuan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah dan hasil tindakan yang sudah dilaksanakan bagi memerangi jenayah penipuan atas talian yang makin berleluasa.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)]**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 12 Oktober 2022, Pusat Respon Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*) telah mula beroperasi. NSRC berfungsi sebagai pusat operasi setempat bagi menjalankan tindakan respons terhadap aktiviti jenayah penipuan siber dengan lebih cepat, efektif dan efisien dengan kaedah-kaedah berikut:
 - a. Menjadi pusat penerimaan aduan dan laporan bagi kes-kes jenayah penipuan siber;
 - b. menyediakan sistem semakan segera dan nasihat kepada orang awam/pengadu mengenai penipuan siber;
 - c. tindakan segera menyekat dan membekukan akaun yang terlibat;
 - d. menyekat dan membatalkan nombor telefon yang disyaki.
 - e. bertindak sebagai pusat koordinasi penerimaan maklumat mengenai penipuan jenayah siber bagi tujuan analisa, risikan dan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu;
 - f. menyalur maklumat risikan daripada pangkalan data yang luas serta bantuan pakar rujuk agensi yang terlibat;
 - g. menjalankan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan pelbagai agensi penguat kuasa berkaitan terhadap penipuan jenayah siber yang telah dikenal pasti.

- h. sebagai pusat semakan setempat bagi orang awam menyemak maklumat yang disyaki melalui portal semak mule ; dan
 - i. inisiatif pencegahan bersepada melalui program kesedaran orang awam yang berterusan dengan kerjasama pihak media dan media sosial.
2. Bagi menyekat pengaliran keluar hasil penipuan itu, NSRC telah mewujudkan satu talian pantas iaitu 997 yang beroperasi setiap hari. Semenjak penubuhannya sehingga 31 Januari 2023, NSRC telah menerima sebanyak 16,752 panggilan yang merangkumi laporan kes-kes penipuan dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima itu, didapati jumlah kerugian adalah sebanyak RM39,299,158.25.
3. Sehubungan dengan jumlah aduan yang diterima oleh pihak NSRC, pihak PDRM telah membuka sebanyak 751 kertas siasatan bagi siasatan kesalahan penipuan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan sebanyak 24 kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 serta telah membekukan sebanyak RM24.3 juta bagi tujuan siasatan bagi kesalahan pengubahan wang haram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN :

TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan jika berhasrat untuk meminda Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan berkaitan bilangan ahli Dewan Rakyat dan kerusi Parlimen.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, tiada sebarang keputusan daripada Kerajaan mengenai perkara ini.
2. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
3. Bagi melaksanakan cadangan pertambahan kerusi Dewan Rakyat, Kerajaan perlu meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.
4. Selain itu juga, Kerajaan berpandangan bahawa satu kajian mendalam perlu dilaksanakan ke atas cadangan pertambahan ahli Dewan Rakyat dengan mengambil kira beberapa faktor yang berkaitan sebelum ia dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan dasar. Kajian mengenai perkara ini dijangka akan mengambil sedikit masa oleh sebab ia melibatkan pindaan undang-undang khususnya berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 202 (SELASA)

SOALAN

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) apakah status terkini bagi siasatan isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS); dan
- (b) adakah benar berlaku penyelewengan seperti yang didakwa oleh YB Pandan sebelum ini

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka beberapa buah Kertas Siasatan (KS) berkaitan isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS). Siasatan kes ini masih lagi berjalan dan keterangan daripada pelbagai pihak perlu diperolehi termasuklah keterangan daripada luar negara.
2. Walau bagaimanapun, terdapat KS yang telah lengkap dimana seorang bekas Panglima Tentera Laut Malaysia (TLDM) telah dituduh dengan tiga (3) pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan pada 18 Ogos 2022.
3. Selain itu, SPRM turut mengemukakan Surat Makluman Penyiasatan (SMP) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan untuk tindakan sewajarnya bagi menutup ruang dan peluang berlakunya perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ke atas projek LCS. SPRM juga masih lagi dalam tindakan melaksanakan pemeriksaan untuk penambahbaikan tatakelola berkaitan dengan perolehan oleh Kementerian

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan cadangan mewujudkan universiti Al-Quran di Malaysia yang memartabatkan Al-Quran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Tinggi telah menerima permohonan ulasan bagi cadangan penubuhan Universiti Al-Quran dan Al-Hadith Malaysia (UNIQ) melalui satu kertas Memorandum Jemaah Menteri daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada Julai 2021.

Berdasarkan permohonan tersebut, ulasan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini Kementerian Pendidikan Tinggi) pada 7 September 2021 adalah agar cadangan penubuhan universiti ini diteliti dan diperhalusi terlebih dahulu di peringkat Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal.

Secara ringkasnya, JAKIM diminta untuk memberi perhatian mendalam terhadap beberapa perkara kritikal. Antara lain adalah:

- a. kesesuaian dan hala tuju program terutamanya bagi mengelakkan pertindihan dengan program-program sedia ada,
- b. sasaran pelajar, kebolehpasaran graduan dan pembangunan modal insan,
- c. tadbir urus dan pengurusan aset,
- d. kelangsungan dan kemandirian kewangan memandangkan penubuhan dan operasi universiti akan memerlukan perbelanjaan yang besar.

Setakat ini Kementerian Pendidikan Tinggi belum menerima sebarang maklum balas. Dan tiada permohonan baharu penubuhan Universiti Al-Quran di Malaysia yang diterima atau sedang diproses di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 14 FEB 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan perbandingan tarif kadar penggunaan internet dan kelajuan antara negara Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) telah menerbitkan laporan *Measuring Digital Development: ICT Price Trends* pada tahun 2021 bagi melihat perbandingan harga perkhidmatan ICT melibatkan 200 buah negara termasuk di rantau ASEAN. Ini adalah selaras dengan hasrat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) melalui *The United Nations Broadband Commission on Sustainable Development* untuk menjadikan harga perkhidmatan Internet jalur lebar di negara-negara membangun lebih mampu milik menjelang tahun 2025 dengan memastikan harga pakej perkhidmatan Internet adalah di bawah 2% daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI) Bulanan Per Kapita atau *Monthly Gross National Income Per Capita* dengan izin.

Berdasarkan laporan tersebut, perbandingan secara umum dapat dibuat bagi pakej Internet melibatkan negara-negara di rantau ASEAN termasuklah Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei. Bagi pakej asas mudah alih, pakej yang ditawarkan oleh Malaysia berada di kedudukan ke-3 selepas Brunei dan Singapura. Secara umumnya harga pakej asas mudah alih yang ditawarkan oleh Brunei dan Singapura adalah lebih mampu milik iaitu kurang 1% daripada GNI Bulanan Per Kapita negara masing-masing. Walau bagaimanapun harga pakej asas mudah alih di Malaysia adalah lebih mampu milik berbanding harga pakej asas mudah alih di Indonesia dan Thailand yang masing-masing melebihi sasaran 2% daripada GNI yang telah ditetapkan oleh PBB.

Perbandingan Bagi Pakej Asas Mudah Alih

Negara yang Dibandingkan	Peratus Harga Pakej Berbanding GNI Bulanan/ Kapita (Sasaran bawah 2% oleh PBB)	Kedudukan Antara Negara yang Dibandingkan
Singapura	0.30%	1
Brunei	0.61%	2
Malaysia	1.27%	3
Indonesia	2.51%	4
Thailand	2.98%	5

SOALAN NO : 33

Bagi pakej asas jalur lebar talian tetap berkelajuan tinggi, Malaysia menduduki tempat ke-3 di rantau ASEAN selepas Singapura dan Brunei. Secara umumnya ini bermakna harga pakej asas jalur lebar talian tetap yang ditawarkan oleh Brunei dan Singapura adalah lebih mampu milik iaitu kurang 2% daripada GNI Bulanan Per Kapita negara masing-masing. Walaupun harga pakej asas jalur lebar di Malaysia, Thailand dan Indonesia adalah melebihi tahap 2%, harga pakej asas jalur lebar talian tetap di Malaysia adalah lebih mampu milik berbanding Indonesia dan Thailand kerana masih berada di sekitar 2% daripada GNI.

Dari sudut kelajuan Internet pula, berdasarkan laporan *Ookla Speedtest Global Index* sehingga Disember 2022 bagi kelajuan jalur lebar mudah alih, Malaysia berada di kedudukan ke-3 terbaik di rantau ASEAN selepas Brunei dan Singapura dengan kelajuan 43.16 Mbps. Bagi kelajuan jalur lebar tetap, Malaysia juga berada di kedudukan ke-3 terbaik di rantau ASEAN selepas Singapura dan Thailand dengan kelajuan 90.89 Mbps.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah inisiatif dan perancangan Kementerian untuk membangunkan capaian jaringan dan liputan di kawasan pedalaman luar bandar seiring dengan kemajuan teknologi maklumat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Perpaduan memahami keperluan kesalinghubungan internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) untuk membuat penaiktarafan pelan jalur lebar di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 dan Fasa 2.

Pelan JENDELA Fasa 1 (2020-2022) telah menetapkan sasaran untuk memberikan akses gentian optik kepada 7.5 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 35Mbps dan meluaskan liputan jalur lebar 4G kepada 96.9% kawasan berpenduduk di seluruh negara. Manakala, Pelan JENDELA Fasa 2 (2023-2025) pula telah menetapkan sasaran untuk memberikan akses gentian optik kepada 9 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 100Mbps melalui pelaksanaan 5G, dan meluaskan liputan jalur lebar kepada 100% kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Selain itu, capaian internet di kawasan pedalaman telah ditambah baik melalui teknologi satelit di 839 lokasi di seluruh negara, yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah JENDELA Fasa 2 namun telah berjaya disiapkan sepenuhnya di bawah JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit bagi menangani isu akses internet berkualiti, KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

Taburan pelaksanaan penyediaan *Point of Presence* (PoP) Hab Infrastruktur Gentian Optik mengikut fasa dan negeri akan dilaksanakan bermula 2022 sehingga 2025 yang akan melibatkan 4323 buah lokasi berhampiran sekolah dan 47 kawasan industri di seluruh negara

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar dan pendalaman sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya dengan radius 2.5km -3km.

Secara keseluruhannya, Fasa 1 bagi projek PoP ini akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar dan pendalaman di seluruh negara. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak. Sehingga 10 Febuari 2023 sebanyak 292 kawasan PoP telah berjaya disiapkan dengan menyediakan sebanyak 32,198 permis sedia untuk dilanggan dan menikmati perkhidmatan internet berkelajuan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembahagian peruntukan Kerajaan kepada semua wakil rakyat dan adakah peruntukan tersebut akan dibahagikan secara sama rata tanpa mengira parti seperti yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2022 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan kes kematian pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) S. Vinosiny dan apakah hasil siasatan laporan tersebut serta langkah untuk mengelakkan tragedi yang sama berlaku lagi.

JAWAPAN

Terlebih dahulu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sekali lagi menzahirkan ucapan takziah kepada ahli keluarga mendiang Vinosiny Sivakumar.

Kementerian Pendidikan Tinggi ingin memaklumkan bahawa kes kematian pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), mendiang S. Vinosiny masih dalam siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Setakat ini pihak kementerian belum dimaklumkan dengan hasil siasatan dan tidak akan mengulas dengan lebih lanjut.

Walau bagaimanapun, pihak KPT menerusi pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menghulurkan sokongan dan bantuan kepada pihak keluarga mendiang bagi memudahkan urusan pengendalian jenazah dengan sewajarnya.

KPT sememangnya memandang serius dan sentiasa memberi perhatian terhadap isu kebijakan dan keselamatan pelajar terutamanya yang berada di dalam kampus. Justeru, bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang, beberapa langkah yang telah dan akan diambil oleh KPT dan UUM, antara lain, adalah:

- a. Pertama, pada 5 Mei 2022 Kementerian menerusi mesyuarat bersama semua Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Awam telah meminta semua Universiti Awam (UA) agar menilai semula aspek keselamatan masing-masing.
- b. Kedua, setiap institusi perlu melaksanakan kajian secara menyeluruh termasuk memperkuatkannya aspek tadbir urus dan pengurusan penyelenggaraan agar persekitaran kampus lebih selamat.
- c. Ketiga, Kementerian juga menerusi mesyuarat tersebut telah mengarahkan supaya isu-isu melibatkan penyelenggaraan bangunan dan keselamatan pelajar di semua fasiliti UA diteliti semula dalam kadar segera.
- d. Keempat, pelaksanaan audit penyelenggaraan bangunan dan aspek keselamatan pelajar secara berkala telah diputuskan agar dilaksanakan dengan lebih kerap dan laporannya turut dipanjangkan kepada pihak Kementerian.
- e. Kelima, Kementerian turut meminta agar peranan dan fungsi unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di setiap Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) diperkasakan.

KPT telah dan akan terus memberikan tumpuan untuk memastikan kebijakan dan kesejahteraan pelajar di dalam kampus akan terus ditambah baik dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan pihak Kementerian bagi status pembinaan Hospital Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan juga apakah ada perancangan di pihak Kementerian bagi pembinaan kemudahan rumah orang-orang tua khusus untuk anggota veteran ATM.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha untuk memberikan bantuan kebajikan kepada semua warga Veteran ATM. Pada masa ini, Kementerian belum mempunyai cadangan untuk membina Hospital Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memandangkan Hospital Angkatan Tentera dan Poliklinik Angkatan Tentera sedia ada di seluruh negara masih dapat menampung keperluan rawatan kesihatan kepada semua warga Veteran ATM.

Kementerian juga belum mempunyai sebarang cadangan untuk membina kemudahan rumah orang-orang tua khusus kepada warga Veteran ATM. Namun demikian, pihak Kementerian di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) sentiasa membantu warga veteran ATM dan tanggungan yang layak melalui skim bantuan sedia ada yang melibatkan bantuan sara hidup dan kemudahan perubatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kementerian terhadap kaji selidik Jabatan Perangkaan tahun 2019 mendapati 390,000 atau 72.1 peratus pelajar lepasan SPM yang tidak mahu meyambung pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius perkara ini. Keengganan pelajar lepasan SPM untuk mengikuti pengajian tinggi adalah sesuatu yang sebenarnya harus diberikan perhatian oleh semua pihak dan bukannya KPT semata-mata. Ia harus diperhalusi secara mendalam dan bersepada.

Atas dasar itu, KPT mempunyai 3 perancangan utama berhubungan perkara ini. Pertama, KPT akan mendalami terlebih dahulu dapatan daripada Jabatan Perangkaan (DSOM) berhubung perkara ini dan seterusnya melihat dengan lebih mendalam. Punca-punca dan faktor-faktor yang terlibat mesti difahami dan diteliti.

Kedua, selain akan meneliti perkara ini secara mendalam, pihak Kementerian akan terus membuat penyelarasan dan penambahbaikan pelbagai proses dan program sedia ada bagi memudahkan akses dan menarik minat anak muda untuk melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi. Antaranya:

- a. Di peringkat pemilihan pelajar ke IPTA dan ILKA, KPT membuka sekurang-kurangnya 4 laluan khas seperti Laluan Khas bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Laluan Khas bagi kategori B40, Laluan Khas bagi kategori Orang Asli dan Laluan Khas bagi kategori Atlet Sukan;
- b. KPT menanggung sepenuhnya kos Bayaran Proses UPU *Online* bagi mendapatkan Unik ID. Ini menjadikan permohonan kemasukan ke IPT adalah percuma;
- c. Dalam konteks pembiayaan dan insentif pula, bermula tahun 2022, KPT telah melancarkan Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG) yang menyediakan peluang dan pembiayaan penuh kepada anak-anak golongan B40 yang **cemerlang dan pertama dalam keluarga berjaya memasuki universiti**;
- d. **Kemasukan Laluan Khas SULUNG ke 8 Universiti Awam (UA) perintis SULUNG yang telah dilaksanakan pada Sesi Akademik 2022/2023** akan diperluaskan kepada 20 UA pada Sesi Akademik 2023/2024;
- e. KPT juga akan menggalakkan IPT untuk mempromosikan pengambilan tahun senggang atau *gap year* agar sesi pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi menjadi lebih anjal dan menyeronokkan; dan
- f. Meluaskan akses dan penglibatan semua lapisan masyarakat, termasuk pelajar lepasan SPM untuk menyertai Program TVET mengikut minat dan kecenderungan anak muda masa kini.

Ketiga, KPT akan terus menggiatkan promosi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA seluruh Malaysia setiap tahun. Antara pendekatan yang telah dan sedang dilakukan adalah:

- a. Program Jom Masuk IPT (8 Zon terpilih seluruh Malaysia yang mensasarkan pelajar, Kaunselor sekolah, guru-guru dan ibu bapa serta masyarakat);
- b. Program *Outreach* (Lokasi terpilih seluruh Malaysia yang mensasarkan pelajar di sekolah luar bandar, B40 dan Orang Asli); dan
- c. Promosi Melalui saluran Media Sosial rasmi KPT (Facebook, Instagram, Youtube dan TikTok)

KPT sentiasa memandang serius kepentingan melanjutkan pengajian di peringkat IPT dan akan meneliti perkara ini dengan lebih mendalam agar dapat meningkatkan minat pelajar lepasan SPM untuk ke IPT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (B) (LUMUT)**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan mengenai pemberhentian secara berperingkat-peringkat ke atas pekerja-pekerja Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNSSB) yang terlibat dengan projek LCS yang mana tindakan ini seperti satu penganiayaan kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pertahanan sedang memberikan penelitian khusus demi memastikan pembinaan kapal *Second Generation Patrol Vessel* berkeupayaan *Littoral Combat Ship* (LCS) ini dapat diteruskan bagi mengukuhkan lagi sistem pertahanan dan perairan negara kita.

Pada asasnya, pihak Kementerian hanya mempunyai perjanjian kontrak dengan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNSSB) berhubung perolehan pembinaan kapal LCS serta kontrak berkaitan penyelenggaraan kapal-kapal milik TLDM. Sebagai sebuah entiti swasta, BNSSB bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan organisasi mereka termasuk dalam urusan pengambilan atau pemberhentian pekerjanya.

Sebarang tindakan berkaitan pemberhentian pekerja adalah merupakan pertimbangan perniagaan syarikat. Jika terdapat sebarang insiden berhubung perkara ini, Kementerian menyarankan pihak yang berkenaan boleh membuat laporan kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada PM ke-6 memberi arahan supaya Kerajaan tidak membayar pampasan kepada Sultan Sulu pada tahun 2013.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Peguam Negara tidak mempunyai maklumat berkenaan perkara pemberhentian bayaran wang serahan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah status terkini pembinaan menara telekomunikasi yang dapat membekalkan perkhidmatan dengan baik kepada masyarakat luar bandar di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sedang mempertingkatkan pembinaan menara komunikasi di Sarawak termasuklah di kawasan pedalaman dan luar bandar, melalui pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 1 (2020-2022) dan Fasa 2 (2023-2025) di mana capaian jaringan dan liputan internet sedang diperluaskan secara berperingkat.

Bagi membekalkan perkhidmatan komunikasi yang baik di Sarawak, sebanyak 90,840 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, manakala baki sebanyak 24,447 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 115,287 yang dirancang, setakat suku keempat 2022.

Inisiatif JENDELA	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit
Negeri/Parlimen	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Siap
Sarawak	842	158	3,589	3,546	115,287	90,840	523

Sebanyak 3,546 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 43 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 3,589 yang dirancang. Sebanyak 158 menara baharu telah disiapkan dan baki 684 menara daripada sejumlah 842 menara yang dirancang dalam proses disiapkan. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Selain itu, penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit telah dipercepatkan di 523 lokasi kawasan pedalaman di Wilayah Sarawak yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah JENDELA Fasa 2 namun berjaya disiapkan sepenuhnya di bawah JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Sarawak *Multimedia Authority (SMA)* dan Sarawak *Digital Economy Corporation*

SOALAN NO : 41

(SDEC) telah mewujudkan inisiatif *Sarawak Linking Urban, Rural and Nation* (SALURAN) dalam usaha untuk merperluaskan perkhidmatan internet di Sarawak. Di bawah inisiatif SALURAN, Kerajaan Negeri telah mewujudkan projek pembinaan sejumlah 600 menara komunikasi baharu yang dikenali sebagai *Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication* (SMART) Fasa 1 dan Fasa 2. Kesemua menara tersebut yang kini di pelbagai peringkat pelaksanaan disasar untuk disiapkan secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2023. Bagi Parlimen Lawas, sejumlah 3 menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 1 dan 9 menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 2.

Kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti Jabatan Tanah dan Survei, *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) dan Pihak Berkuasa Tempatan amat diperlukan bagi mempermudah proses yang melibatkan kelulusan tapak projek berkaitan perkhidmatan komunikasi, termasuk pengenaan kos dan fi yang munasabah. Kerjasama ini penting bagi mengelak kelewatan projek yang akan secara langsung memberi impak sosial dan ekonomi kepada rakyat yang bergantung kepada perkhidmatan internet.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY
BIN AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada RUU Akta Pendanaan Politik akan dapat dibentangkan dan diluluskan dalam kadar waktu yang segera dalam sidang Parlimen ke-15 ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia Madani mementingkan kepercayaan yang dicerna antara Kerajaan dan rakyatnya berdasarkan pada asas ketelusan dan kerjasama. Oleh itu, Kerajaan komited membanteras rasuah dan politik wang.
2. Pada 21 September 2022, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan isu-isu berbangkit berhubung dengan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik (RUU) kepada agensi yang berkenaan iaitu Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri.
3. Pada 28 September 2022, satu sesi libat urus peringkat dasar bersama ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang telah diadakan yang dihadiri antara lain oleh wakil Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara.
4. Semasa sesi libat urus tersebut, beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang ketika itu. Oleh yang demikian, RUU tersebut perlu diteliti dan dibawa untuk pertimbangan kepimpinan parti-parti politik masing-masing. Seterusnya, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) ketika itu telah memberi masa selama dua minggu kepada ahli-ahli Parlimen untuk memberikan maklum balas berhubung dengan RUU tersebut secara bertulis.
5. Pada 10 Oktober 2022, Parlimen telah dibubarkan dan Kerajaan Perpaduan telah terbentuk pada 3 Disember 2022. Oleh yang demikian, sebarang RUU yang diluluskan secara dasar oleh pentadbiran terdahulu

NO SOALAN : 42

perlu dibentangkan dan diperhalusi semula oleh Jemaah Menteri baharu. Susulan perkembangan politik pasca Pilihanraya Umum 15, landskap politik di Malaysia turut mengalami beberapa perubahan di mana terdapat gabungan politik yang baru. Oleh yang demikian, sesi libat urus perlu diteruskan untuk mendapatkan maklum balas parti-parti politik dan pihak berkepentingan, agar sebarang RUU yang bakal dibentangkan di Jemaah Menteri adalah inklusif dan komprehensif.

6. Seiring dengan komponen daya cipta dalam konsep Malaysia Madani, selain daripada RUU Dana Politik, Kerajaan juga akan mengambil kira amalan dan perundangan yang sedia ada untuk mengatasi isu dana politik, antaranya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5], Akta Pendaftar Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Kegiatan Haram 2001 [Akta 613].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai bilangan pengampunan yang telah diberikan bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2022, dan juga jenis/nama pihak berkuasa yang memberikan pengampunan tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 2018 hingga 2022, sebanyak 644 kes rayuan pengampunan telah dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri. Daripada jumlah tersebut, Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan telah mempertimbangkan bilangan rayuan pengampunan tertinggi iaitu sebanyak 186 sepanjang tempoh 5 tahun tersebut.
2. Dalam hal ini, setiap tahun Lembaga Pengampunan Negeri akan bersidang mengikut keperluan negeri masing-masing dan membincangkan rayuan-rayuan pengampunan yang mana pada pengamatan Lembaga bersesuaian selain mempertimbangkan apa-apa pendapat bertulis daripada Peguam Negara sebelum mengemukakan nasihat mereka kepada Pengerusi

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status terkini capaian internet menyeluruh dan stabil di kawasan pedalaman Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sedang mempertingkatkan capaian jaringan dan liputan internet di Sarawak termasuklah di kawasan pedalaman dan luar bandar, melalui pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 1 (2020-2022) dan Fasa 2 (2023-2025). Setakat suku ketiga tahun 2022, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sarawak telah meningkat kepada 84.68% berbanding 73.67% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020.

Bagi membekalkan perkhidmatan komunikasi yang baik di Sarawak, sebanyak 90,840 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, manakala baki sebanyak 24,447 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 115,287 yang dirancang, setakat suku keempat 2022.

Inisiatif JENDELA	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit
Negeri/Parlimen	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Siap
Sarawak	842	158	3,589	3,546	115,287	90,840	523

Selain itu, sebanyak 3,546 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 43 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 3,589 yang dirancang. Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) juga telah menyiapkan 158 menara baharu dan dalam proses menyiapkan baki 684 menara daripada sejumlah 842 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

KKD telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 523 lokasi di kawasan pedalaman di Sarawak yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di dalam JENDELA Fasa 2 yang berjaya disiapkan sepenuhnya di dalam JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar dan pendalaman sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya.

Secara khususnya, pelaksanaan PoP secara keseluruhan di Sarawak adalah sebanyak 741 kawasan berhampiran sekolah dan daripada jumlah tersebut pula sebanyak 60 kawasan berhampiran sekolah luar bandar pada Fasa 1 dan bagi Fasa 2 pula ia akan merangkumi sebanyak 681 PoP. Sehingga 10 Februari 2023, pelaksanaan PoP Fasa 1 di Sarawak telah berjaya disempurnakan dengan penyediaan premis sebanyak 6,407 yang mana dari jumlah tersebut 1,812 telah dilanggan oleh penduduk sekitarnya.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui Sarawak *Multimedia Authority* (SMA) dan Sarawak *Digital Economy Corporation* (SDEC) telah mewujudkan inisiatif *Sarawak Linking Urban, Rural and Nation* (SALURAN) dalam usaha untuk merperluaskan perkhidmatan internet di Sarawak. Di bawah inisiatif SALURAN, Kerajaan Negeri telah mewujudkan projek pembinaan sejumlah 600 menara komunikasi baharu yang dikenali sebagai *Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication* (SMART) Fasa 1 dan Fasa 2. SMART Fasa 1 dijangka beroperasi pada suku kedua 2023 manakala SMART Fasa 2 dijangka beroperasi menjelang penghujung tahun 2023. Bagi Parlimen Serian, sejumlah 12 menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 1 dan 3 menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 2.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status rancangan pembinaan Kolej Komuniti Bachok yang telah dirasmikan pada April 2018 namun telah dibatalkan pada Jun 2018 memandangkan wujudnya permintaan tinggi dalam kalangan pelajar lepasan SPM di negeri Kelantan khususnya daerah Bachok yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertimbangan bagi kelulusan penubuhan sesebuah kolej komuniti mengambil kira beberapa faktor antaranya kajian pasaran dan keperluan semasa, peruntukan kewangan, perjawatan kejat dan keperluan industri setempat.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan kolej komuniti hendaklah diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang masih belum mempunyai institusi-institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan bukan di setiap parlimen.

Pada masa ini, sudah terdapat sekurang-kurangnya 2 institusi latihan kemahiran lain di daerah Bachok iaitu Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bachok dan GIATMARA Bachok.

Semua penyedia TVET sedia ada di Daerah Bachok ini turut menawarkan pelbagai program TVET sama ada untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau untuk mereka yang tidak mempunyai kelayakan SPM.

Justeru, status pembinaan kolej komuniti di Bachok tidak diteruskan pada masa ini atas faktor-faktor yang dinyatakan serta keputusan daripada MJM pada September 2004. Kementerian berpandangan, sekiranya ditubuhkan satu lagi institusi TVET baharu di Daerah Bachok akan berlaku pertindihan penawaran program dalam kalangan institusi TVET.

Untuk makluman, secara umumnya, terdapat lima (5) buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di Kelantan iaitu Kolej Komuniti Kok Lanas, Kolej Komuniti Jeli, Kolej Komuniti Pasir Mas, Kolej Komuniti Jeli Cawangan Tanah Merah dan Kolej Komuniti Pasir Mas Cawangan Rantau Panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang dilaksanakan oleh pihak FELDA telah benar-benar memberi manfaat kepada warga FELDA dan peningkatan ekonomi masyarakat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Pembangunan Peneroka (PPP) merupakan inisiatif kerajaan melalui Kertas Putih FELDA yang diumumkan pada tahun 2019. PPP bertujuan untuk memberi tambahan pendapatan kepada peneroka melalui aktiviti pertanian dan ternakan serta menyumbang kepada keselamatan makanan negara.
2. Sehingga Januari 2023, sebanyak RM246 juta telah disalurkan kepada FELDA bagi tujuan pelaksanaan program ini. PPP mula dipromosikan kepada peneroka bermula tahun 2020 yang merangkumi 2 modul penglibatan warga FELDA iaitu secara berkumpulan (Koperasi/ Badan) dan secara individu (Plasma). Sehingga Januari 2023, penglibatan projek secara modul berkumpulan (Koperasi/ Badan) adalah sebanyak 157 projek dengan penyertaan seramai 48,794 orang manakala penglibatan bagi projek modul individu (Plasma) adalah seramai 8,447 orang peneroka.
3. Projek yang dilaksanakan dalam program ini merangkumi sektor tanaman, ternakan dan akuakultur. Antara penumpuan jenis aktiviti adalah tanaman cili, nanas, ternakan lembu, lebah kelulut, ikan tilapia, ayam dan arnab.
4. Bagi tahun 2022, sebanyak 18 dari 157 (11%) projek berkumpulan mula mengeluarkan hasil manakala bilangan projek selebihnya masih dalam fasa perolehan, pembinaan dan pembekalan. Jumlah penghasilan bagi projek berkumpulan untuk tahun 2022 adalah sebanyak RM2.15 juta melibatkan 4,989 orang peneroka. Penghasilan tertinggi adalah melalui Projek Hab Lembu Pedaging Wilayah Sahabat, Sabah dengan penghasilan sebanyak RM1.5 juta dan memanfaatkan seramai 871 orang peneroka.

5. Bagi projek individu (Plasma), sebanyak 2,155 projek berhasil pada tahun 2022 berbanding 8,447 jumlah keseluruhan projek individu (25%). Baki projek adalah masih dalam fasa perolehan, pembinaan dan pembekalan. Jumlah terkumpul hasil bagi projek individu adalah sebanyak RM1.96 juta. Pendapatan tertinggi di peringkat individu adalah bagi projek ikan tilapia di FELDA Perasu, projek ayam kampung di FELDA Kerteh 2 dan projek arnab pedaging di FELDA Bukit Rokan. Pendapatan tertinggi bagi seorang peneroka adalah sebanyak RM26,000 / tahun. Berdasarkan aktiviti, projek ternakan ayam kampung menunjukkan purata pendapatan tertinggi iaitu RM2,400 per peneroka per pusingan.

6. Melalui program ini, penghasilan bagi tahun 2022 adalah sebanyak 35 tan cili, 16 tan arnab, 53 tan ayam, 44 tan daging lembu, 20 tan ikan dan 3 tan madu kelulut. Pelaksanaan program ini juga telah memberi beberapa bentuk manfaat secara tidak langsung kepada warga FELDA seperti membuka peluang pekerjaan, memperkasa koperasi rancangan melalui diversifikasi cabang perniagaan, pengembangan syarikat milikan generasi baharu FELDA bagi pemasaran hasil aktiviti pertanian, menambah nilai peneroka dan mengoptimalkan tapak rancangan berpotensi.

7. Program ini telah membuka kira-kira 100 peluang pekerjaan sehingga 2022 dengan pendapatan minima RM1,500 / bulan / pekerja dan dijangka akan membuka sehingga 300 peluang pekerjaan apabila semua projek telah beroperasi. Sebanyak 10 buah syarikat milikan warga FELDA juga telah terlibat dalam mengembangkan industri melalui pemasaran hasil pertanian program ini. Melalui penglibatan dalam program ini, semua peserta individu dan wakil-wakil dari koperasi telah diberi latihan teknikal berkaitan industri yang disertai. FELDA juga telah mengoptimalkan penggunaan tapak berpotensi sehingga 32,000 Ha termasuk ladang sawit bagi ternakan secara integrasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ABDUL GHANI BIN AHMAD
[JERLUN]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah sindiket perkahwinan di Selatan Thailand semakin berleluasa mutakhir ini dan apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi membendung aktiviti tersebut.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Nikah sindiket adalah merujuk kepada perkahwinan yang dijalankan berlawanan dengan Undang-undang Keluarga Islam (UUKI) dan peraturan negara yang berkuatkuasa. Hasil kajian ringkas yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) pada tahun 2019 telah merumuskan bahawa antara faktor yang menyebabkan rakyat Malaysia berkahwin di Selatan Thailand adalah:

- (i) Keengganan wali menikahkan anak perempuan dengan pasangan pilihannya;

- (ii) Sikap individu yang tidak memahami atau tidak patuh terhadap undang-undang serta prosedur perkahwinan di Malaysia serta tidak dapat mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh JAIN;
- (iii) Keinginan individu untuk berpoligami tanpa diketahui oleh isteri pertama dan juga disebabkan oleh hamil luar nikah atau ditangkap khalwat;
- (iv) Pengaruh media massa yang menyebarkan iklan-iklan perkhidmatan nikah sindiket; dan
- (v) Pengaruh persekitaran seperti rakan di samping kewujudan syarikat sindiket yang bergiat aktif menjalankan aktiviti pernikahan secara sindiket;

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa berusaha memberikan kesedaran kepada masyarakat berhubung Undang-undang Keluarga Islam dengan menekankan isu keabsahan perkahwinan yang akan mempengaruhi semua aspek berkait hukum syarak termasuklah pendaftaran anak-anak pada masa hadapan. Antara usaha yang telah dan masih dilaksanakan adalah melalui pendekatan berikut:

(a) Program Advokasi

JAKIM dengan kerjasama JAIN melaksanakan program advokasi melalui penganjuran seminar/kempen dan lain-lain dalam usaha mengekang isu nikah yang menyalahi peraturan antaranya:

- i. Seminar Undang-Undang Keluarga Islam
- ii. Seminar/ Kempen Sah Nikah Sah Nasab
- iii. Khutbah Jumaat

(b) Bahan Hebah

Bahan hebah juga turut disediakan bagi memberikan penerangan dan penjelasan kepada masyarakat mengenai isu ini. Antaranya:

- i. Risalah Panduan Poligami
- ii. Sebaran Melalui Media Massa

(c) Kerjasama dengan Kementerian/Jabatan/Agensi

JAKIM dan JAIN mengadakan kerjasama dengan kementerian/Jabatan dan Agensi seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam isu-isu berkaitan perlindungan hak wanita.

Di samping itu, JAKIM bersama JAIN juga bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand dalam menyelaras pengurusan perkahwinan dalam usaha mengekang isu perkahwinan yang menyalahi peraturan. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan Panduan Permohonan Perintah Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan (Permohonan 4P) sebagai rujukan bagi proses yang seragam dan teratur untuk mendapatkan perintah pengesahan dan pendaftaran perkahwinan secara mudah dan tepat.
- ii. Menyelaras prosedur bersama Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand berkaitan prosedur bahawa salah seorang dari pasangan perlu hadir sendiri ke pejabat KJM Songkhla untuk mendapatkan pengesahan terhadap dokumentasi perkahwinan telah berlaku.

(d) Penguatkuasaan Undang-Undang

Undang-undang yang telah digubal bagi menangani isu pernikahan yang menyalahi undang-undang di bawah Akta 303 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 seperti berikut:

(i) **Seksyen 39. Akadnikah perkahwinan yang tidak dibenarkan**

Seseorang yang mengakadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengakadnikahkan sesuatu perkahwinan manakala dia tidak diberi kuasa di bawah Akta ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu.

(ii) **Seksyen 19. Kebenaran perlu sebelum akadnikah**

Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan melainkan suatu kebenaran berkahwin telah diberi –

- (a) oleh Pendaftar di bawah seksyen 17 atau oleh Hakim Syar'iah di bawah seksyen 18, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan; atau
- (b) oleh pihak berkuasa yang hak bagi sesuatu Negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di Negeri itu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melakukan penambahan kawasan Parlimen daripada 222 kawasan sekarang kepada jumlah yang lebih munasabah akibat pertambahan penduduk di sesuatu kawasan Parlimen sekarang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat (*interval*) tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025 manakala Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun

NO SOALAN : 48

2026. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

2. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:-

- a. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- b. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- c. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- d. Mengelakkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH
[ROMPIN]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH (ROMPIN) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan jangka panjang dalam melatih belia-belia dan graduan lepasan universiti awam/swasta menjadi usahawan sebagai satu langkah peningkatan taraf hidup rakyat di samping mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) mempunyai perancangan jangka panjang dalam melatih belia dan graduan lepasan universiti awam/swasta menjadi usahawan sebagai satu langkah mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dalam hubungan ini, Kementerian melalui *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) telah merancang untuk melaksanakan beberapa program keusahawanan pada tahun 2023 melibatkan peruntukan sebanyak RM5 juta yang dijangka memberi manfaat kepada hampir 12,450 graduan melalui pelaksanaan program seperti berikut:

- i. Latihan Intensif dalam talian bagi Usahawan Generasi Baru (*New Gen Entrepreneur Online Bootcamp*) (**N-GENE**);

SOALAN NO : 49

- ii. Program Usahawan Perantis (*Student-Preneur and Biz Apprenticeship Program*) (**SPACE**).
- iii. Program Penempatan Latihan Kerjaya & Keusahawanan TVET (*Graduate Capacity and Employability Enhancement Program*) (**GRACE**);
- iv. Latihan Asas Keusahawanan (**ETR 101**); dan
- v. Program Kembara Kerjaya (*Reach Out, Awareness and Developmental Program*) (**ROAD**).

Di samping itu, bagi menyokong pelaksanaan kepada usahawan belia pula, kementerian melalui agensi di bawahnya akan turut melaksanakan program-program keusahawanan seperti berikut:

- i. Bank Rakyat:
 - a. *Graduate Mentoring Program*; dan
 - b. Bank Rakyat UNIpreneur 3.0.
- ii. TEKUN Nasional:
 - a. Skim pembiayaan kepada belia.
- iii. SME Corp:
 - a. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
- iv. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN):
 - a. Program *DropShip & Agent (DNA)*;
 - b. Kursus Asas Keusahawanan; dan
 - c. Program Bimbingan Asas Bisnes (*Start-up Coaching*).

Justeru, Kementerian ingin menyeru agar usahawan dalam kalangan belia dan graduan untuk lebih cakna mengenai program-program yang disediakan di bawah KUSKOP dan mengambil peluang yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan untuk terus maju dan meningkat dalam bidang keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : MEJ JEN DATO' KHLIR BIN MOHD NOR (B)
(KETEREH)**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status penyelarasan pencen veteran ATM (yang bersara sebelum 1 Januari 2013) yang telah diluluskan oleh Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) yang juga dipengerusikan oleh YB. Menteri Pertahanan pada 22 September 2022 yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) pada 22 September 2022 telah bersetuju supaya isu pelarasan pencen diteliti semula dan dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan. Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan di antara Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MoF) telah dilaksanakan bagi mencari penyelesaian terbaik kepada isu ini.

Pada masa yang sama, pihak Kementerian juga telah mendapatkan pandangan wakil-wakil persatuan veteran berhubung isu ini melalui sesi libat urus yang diadakan. Kementerian mendapati pelarasan jurang pencen ini melibatkan implikasi kewangan yang amat besar kepada Kerajaan dan ianya akan melibatkan skim perkhidmatan awam yang lain secara keseluruhan.

Kementerian Pertahanan akan memastikan bantuan-bantuan yang disediakan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) pada masa kini akan dapat disalurkan dan ditambah nilai kepada kumpulan sasar dengan lebih berkesan bagi memastikan kesejahteraan semua warga Veteran ATM dan keluarga mereka sentiasa mendapat perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan justifikasi Kementerian memperuntukkan RM40 juta kepada Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan kepada Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman (TAR UMT) dibuat berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Disember 2012 yang bersetuju supaya diteruskan pemberian geran Kerajaan dalam bentuk *matching grant* sehingga maksimum RM60 juta setahun kepada TARUC (kini dinaiktaraf sebagai TAR UMT) melalui Kementerian Pendidikan Tinggi setelah TARUC ditubuh dan didaftarkan di bawah Akta 555.

Walau bagaimanapun, pemberian *matching grant* tersebut adalah tertakluk kepada kemampuan dan keupayaan Kerajaan.

Pertimbangan oleh Jemaah Menteri tersebut dibuat berdasarkan asas-asas seperti berikut:

- a. Pertama, TAR-UMT atau sebelumnya Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) telah ditubuhkan dengan surat cara kerajaan pada tahun 1961 di bawah Akta Pendidikan Pendidikan 1961 sebagai sebuah IPTA dan menerima geran Kerajaan. Pemberian geran ini diteruskan selepas KTAR dinaiktaraf.
- b. Kedua, tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang telah dilaksanakan oleh TARUC (sekarang dikenali sebagai TAR UMT) seperti menyediakan pinjaman tanpa caj faedah kepada pelajar yang kurang berkemampuan, menyediakan biasiswa kepada pelajar berdasarkan kelayakan melalui Biasiswa Merit KTAR dan juga penyertaannya dalam *The Star Education Fund* dan *Nanyang Tertiary Tertiary Education Fund*; dan
- c. Kedua, Geran Kerajaan atas nisbah 1:1 diteruskan bagi membolehkan TARUC (sekarang TAR UMT) terus mengenakan yuran yang mampu dibayar oleh pelajar dan membolehkan TARUC (sekarang TAR UMT) meneruskan misi untuk memperluas akses pendidikan tinggi kepada lebih banyak anak muda Malaysia dari golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi penjenamaan semula Kerajaan dari Perdana Menteri ke-8 (Kerajaan Prihatin), Perdana Menteri ke-9 (Keluarga Malaysia) dan Perdana Menteri ke-10 sekarang (Malaysia Madani).

JAWAPAN

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod kewangan Jabatan Perdana Menteri, penganjuran program berkaitan penjenamaan semula Kerajaan iaitu Kerajaan Prihatin, Keluarga Malaysia dan Malaysia Madani, melibatkan peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 30 Januari 2023 adalah sebanyak **RM62,764,107.25** dengan pecahan mengikut program seperti berikut:

- 1) Kerajaan Prihatin : RM181,752.20;
- 2) Keluarga Malaysia : RM62,093,139.05; dan
- 3) Malaysia Madani : RM489,216.00

Jumlah perbelanjaan adalah berdasarkan program-program jelajah jerayawara yang telah dilaksanakan semasa pentadbiran Perdana Menteri kelapan hingga kini. Hanya satu (1) program Kerajaan Prihatin dilaksanakan semasa pentadbiran Perdana Menteri ke-8 memandangkan negara berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kesan pencemaran isyarat telekomunikasi dari negara jiran terhadap penduduk di sekitar sempadan Malaysia - Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Limpahan isyarat telekomunikasi dari negara jiran sempadan Malaysia-Thailand boleh berlaku disebabkan ciri-ciri isyarat yang tiada batasan sempadan geografi. Kesan daripada limpahan isyarat dari negara jiran ini boleh menyebabkan gangguan perkhidmatan atau caj perayauan antarabangsa yang tinggi.

Kesemua aduan limpahan yang melibatkan caj perayauan antarabangsa yang tinggi boleh diselesaikan dengan meningkatkan kesedaran pengguna mengenai tetapan perayauan dan juga tetapan pilihan rangkaian ketika berada berdekatan dengan sempadan negara. Manakala, aduan limpahan yang menyebabkan gangguan perkhidmatan perlu diangkat kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk diselesaikan melalui mesyuarat koordinasi antara dua negara.

SOALAN NO : 53

Bagi isu limpahan yang melibatkan caj perayauan antarabangsa, berdasarkan data aduan SKMM, terdapat empat aduan yang berkaitan kualiti perkhidmatan khususnya berkenaan limpahan isyarat yang disyaki berpunca dari Negara Thailand di kawasan Padang Besar, Perlis yang telah dilaporkan pada tahun 2022. Kesemua aduan ini telah disiasat oleh pemberi perkhidmatan tersebut dan pengadu telah dimaklumkan tentang pelan kerja-kerja menaik taraf rangkaian di kawasan-kawasan tersebut bagi menangani isu kualiti perkhidmatan dan tiada aduan diangkat kepada SKMM untuk diselesaikan melalui mesyuarat koordinasi antara dua negara.

Inisiatif bagi memupuk kesedaran kepada pengguna telah dijalankan secara berkala seperti mendidik pengguna agar mematikan ciri perayauan antarabangsa dan membuat pemilihan perkhidmatan rangkaian pada telefon bimbit secara manual untuk mengelakkan pengguna mengalami gangguan perayauan semasa berada di kawasan sempadan negara. Orang awam dinasihatkan merujuk kepada pembekal perkhidmatan masing-masing untuk bantuan tetapan pada setiap telefon pintar.

Justeru, maklum balas daripada orang awam bagi melaporkan kawasan yang mempunyai masalah perkhidmatan termasuklah gangguan isyarat daripada negara jiran adalah amat dialu-alukan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sebarang aduan yang berkaitan kualiti perkhidmatan dan rangkaian telekomunikasi boleh disalurkan terus kepada portal aduan SKMM menerusi pautan laman web.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kaedah saluran bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri untuk mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu yang berlaku pada Disember 2022 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan bantuan bencana dapat disampaikan dengan segera kepada mangsa-mangsa bencana yang layak dalam tempoh musim Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 di negeri Kelantan dan Terengganu, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan awal kepada Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dengan jumlah RM50 juta bagi negeri Kelantan dan RM50 juta bagi negeri Terengganu.
2. Walau bagaimanapun, proses pengumpulan, pemutihan dan pengesahan senarai nama mangsa bencana masih dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).
3. PPN di bawah ICU, JPM akan menjalin kerjasama dengan Sekretariat JPBN di negeri Kelantan dan Terengganu untuk menyampaikan bantuan bencana dengan segera kepada Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa bencana yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]
minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan komitmen dan strategi Kerajaan
untuk memacu pembangunan ekonomi Bumiputera yang mapan selaras
dengan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TBP2030).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agenda Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional bagi mencapai pembangunan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif selaras dengan visi Malaysia MADANI. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah merangka beberapa strategi dan inisiatif untuk memacu pembangunan ekonomi Bumiputera antaranya mempertingkat literasi dalam pengurusan kewangan dan pelaburan serta menggalakkan penjanaan pendapatan tambahan termasuk memanfaatkan platform digital dalam bidang keusahawanan.
2. Kerajaan akan menumpukan kepada pembangunan ekonomi yang menyeluruh melangkaui geografi serta meliputi seluruh rakyat Malaysia. Dasar-dasar sedia ada yang telah digubal akan menjadi komitmen kepada Kerajaan selagi mana menepati hasrat pembangunan ekonomi yang menyeluruh.
3. Dalam hal ini, penekanan khusus akan sentiasa diberikan untuk pembangunan sosioekonomi semua rakyat terutama kumpulan bersasar termasuk ketua isi rumah Bumiputera yang layak bagi memastikan taraf kehidupan Bumiputera dapat ditambah baik untuk menjalani kehidupan yang bermaruah (*decent living*).
4. Selain itu, langkah-langkah yang diambil akan memberi penekanan kepada menambah baik penyampaian perkhidmatan dan melengkapi mekanisme pelaporan, penambahbaikan kemampuan dan keupayaan serta pengukuhan daya tahan perusahaan Bumiputera. Di samping itu, kekayaan Bumiputera akan dijana menerusi pemilikan aset bukan kewangan serta pemilikan ekuiti korporat.

Sekian, terima kasih.